

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD  
(SHAH ALAM)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 10.06.2014**

**Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [ SHAH ALAM ]** minta

**MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

(a) apakah benar kedudukan Perdana Menteri sebagai Pengerusi 1MDB;  
dan

(b) apakah penjelasan Kerajaan terhadap pertikaian Pelaburan RM18.1  
bilion di Cayman Island yang tidak mengikut terma-terma Perjanjian PSC-  
Segregated Portfolio Company.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kepimpinan 1MDB dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu Lembaga Penasihat, Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi. Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak adalah Pengerusi Lembaga Penasihat 1MDB.

Tuan Yang di-Pertua,

1MDB telah melaburkan US\$2.318 bilion sahaja bersama pengurus dana berlesen antarabangsa yang berdaftar di Kepulauan Cayman dan bukannya RM18.1 bilion seperti yang didakwa. Dana tersebut adalah hasil pulangan dari usahasama 1MDB-PetroSaudi International.

Perlu ditekankan di sini bahawa 1MDB mempunyai kawalan penuh ke atas dana pelaburannya di Kepulauan Cayman. Dana ini diuruskan di bawah mandat yang diberikan oleh 1MDB, dan 1MDB boleh mengeluarkan wang ini pada bila-bila masa yang dikehendaki.

Terma "*control*" atau kawalan yang petik dari laporan kewangan 1MDB telah salah ditafsirkan. Kenyataan penuhnya berbunyi, dengan izin: "*The Directors concluded that the Group is unable to exercise control or significant influence over Segregated Portfolio Company (SPC) in accordance with the MFRS 127 Consolidated and Separate Financial Statements and MFRS 128 Investments in Associates.*"

Dalam piawaian Malaysia Financial Reporting Standards atau MFRS 127, terma "*control*" atau kawalan ditakrifkan sebagai "*the power to govern the financial and operating policies of an entity so as to obtain benefits from its activities*". Seperti yang jelas dinyatakan di dalam nota-nota akaun, pelaburan 1MDB adalah hanya sebagai pemegang saham atau "*participating shareholder*".

Ini adalah konsep yang sama dengan melabur wang dalam dana bersama atau "*mutual funds*" di mana 1MDB merupakan pemegang saham dana yang sudah mempunyai mandat pelaburan sendiri dan pemegang saham tidak dapat mempengaruhi mandat pelaburan asal. Namun begitu, ini tidak bermaksud 1MDB telah hilang kawalan ke atas

dana yang dilaburkan.